



KENYATAAN AKHBAR

LAWATAN KERJA YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI KE REPUBLIK RAKYAT CHINA 24 - 28 APRIL 2024

Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi Malaysia, YB Tuan Chang Lih Kang, bersama-sama dengan delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada MOSTI dan agensinya, telah mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China yang berlangsung dari 24 hingga 28 April 2024. Objektif lawatan ini adalah untuk memperkukuhkan kerjasama dalam sains, teknologi, dan inovasi (STI) antara Malaysia dan China, dengan tumpuan utama adalah untuk mempengerusikan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ketiga Malaysia-China dalam Kerjasama STI (3rd JCM) bersama TYT Yin Hejun, Menteri Sains dan Teknologi (MOST), China.

Penganjuran JCM Ketiga ini yang berdasarkan pada kerangka Perjanjian Kerjasama Sains, Teknologi, dan Inovasi yang ditandatangani antara Malaysia dan China pada 4 Oktober 2013, menjadi satu penanda penting dalam hubungan dua hala, bertepatan dengan sambutan Ulang Tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China. Perbincangan yang diketengahkan ketika JCM berkenaan merangkumi pelbagai bidang kerjasama, termasuk teknologi mikroelektronik, teknologi bahan maju, pemindahan teknologi dan keusahawanan, pertukaran tenaga pakar (people-to-people exchange) dan kerjasama dalam kerangka mekanisme multilateral.

Kedua-dua negara juga turut memberi komitmen kepada kerjasama dalam penyelidikan menerusi Kumpulan Kedua Projek Penyelidikan Bersama China-Malaysia (*2nd Batch*), dengan tumpuan kali ini kepada bidang-bidang utama seperti teknologi penyimpanan tenaga, vaksin manusia, teknologi angkasa, kecerdasan buatan, *blockchain*, dan teknologi bahan maju. Di penghujung JCM Ketiga ini, kedua-dua menteri juga menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Xiamen, Institut Mikroelektronik Malaysia (MIMOS), dan Universiti Xiamen Malaysia dalam kerjasama teknologi semikonduktor dan mikroelektronik.

Dalam tempoh lawatan kerja ini juga, YB Menteri Chang Lih Kang telah berpeluang meneroka potensi kerjasama bersama industri STI di China termasuklah China Electronics Technology Group Corporation (CETC), TCab Technology Co., Ltd. dan Xiaomi. Di CETC, YB Menteri telah menyaksikan pemeteraian **MoU antara MIMOS Berhad dan CETC**, mencerminkan komitmen bersama terhadap inovasi dalam sektor-sektor utama seperti *Advanced Packaging*, Semikonduktor Jalur Lebar, dan Reka Bentuk Sistem. Kerjasama ini mempunyai potensi besar dalam menggalakkan kemajuan teknologi, mendorong pertumbuhan ekonomi, dan meningkatkan daya saing di peringkat global.

YB Menteri juga telah menyertai Zhongguancun Forum 2024 dan menyaksikan pertukaran **MoU antara Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) dan Beijing Zhongguancun Science City Innovation Development Co. Ltd.** Memorandum ini bertujuan untuk menubuhkan Pejabat Pengkomersialan Teknologi Antarabangsa, antara Z-Park dan MRANTI dalam menyokong syarikat-syarikat permula (*startup*) dan anak syarikat (*spin-off companies*) di kedua-dua negara untuk akses pasaran dan pembiayaan.

Selain itu, YB Menteri turut menyaksikan pemeteraian **MoU antara Gigafactory Malaysia Sdn Bhd (GMSB), BAIC International Development Co. Ltd, dan BAIC Bluepark New Energy Technology Co. Ltd**, bertujuan untuk menggalakkan inovasi dalam sektor kenderaan elektrik (EV) dan mempromosikan pengadaptasian EV di rantau ASEAN, semasa menghadiri Pameran Auto China 2024.

YB Menteri juga telah dijemput oleh National School of Development, Universiti Peking untuk memberikan ucapan yang membincangkan mengenai potensi negara untuk berkembang daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpertumbuhan tinggi, yang didorong oleh kemajuan teknologi. Berdasarkan kelebihan-kelebihan strategik seperti kedudukan geopolitik, kestabilan politik, ekosistem perindustrian yang matang termasuk semikonduktor, dan kumpulan bakat yang luas, YB Menteri menzahirkan keyakinan bagi memacu perubahan landskap ekonomi negara berasaskan inovasi demi kesejahteraan rakyat.

YB Menteri juga telah berpeluang melawat China National Space Administration (CNSA) dalam usaha mengukuhkan hubungan dua hala yang berakar dari Perjanjian Kerjasama Angkasa dan Penggunaan Damai Angkasa Lepas yang ditandatangani antara kedua-dua negara untuk mempercepat pertukaran sains dan teknologi bagi tujuan penjelajahan dan pemanfaatan angkasa luar untuk usaha kedamaian. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama sulung antara CNSA dan Malaysian Space Agency (MYSA) yang telah diadakan pada 16 April 2024 di Kuala Lumpur menjadi tonggak penting dalam memajukan kerjasama dua hala dalam bidang angkasa, dengan penekanan kepada usaha-usaha kolaboratif baru seperti penyertaan dalam Program Stesen Penyelidikan Bulan Antarabangsa China yang dijangka akan meningkatkan keupayaan Malaysia serta merangsang pertumbuhan ekonomi.

Lawatan kerja dan kerjasama yang terjalin daripada lawatan ini menjadi satu penanda penting dalam kerjasama antara Malaysia dan China, serta bagi terus memupuk inovasi dan mendorong kemajuan untuk kepentingan bersama.

Disediakan oleh

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29 April 2024